

**NO. SOALAN : 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TZE TZIN  
[ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 19 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kejayaan Visit Malaysia Year 2014 (VMY). Berapakah pelancong, mengikut negara, yang melawat Malaysia 2014, dan jumlah perbelanjaan mereka.

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kejayaan *Visit Malaysia Year 2014* telah diukur melalui statistik kedatangan pelancong yang mencatatkan ketibaan seramai **27,437,315 pelancong asing** pada tahun 2014 berbanding seramai **25,715,460 pelancong asing** pada tahun 2013. Peningkatan sebanyak **6.7%** ini telah menunjukkan bahawa kempen *Visit Malaysia Year 2014* telah dapat mengekalkan momentum kedatangan pelancong asing ke negara ini disebalik beberapa insiden yang berlaku sepanjang tahun 2014.

Manakala dari segi pendapatan pelancongan yang dijana, sebanyak **RM72 bilion** pendapatan telah diperolehi pada tahun 2014 berbanding RM65.4 bilion pada tahun 2013. Jumlah ini meningkat sebanyak **RM6.6 bilion** atau pertumbuhan sebanyak **10.0%**. Purata perbelanjaan seorang pelancong asing (per kapita) meningkat daripada RM2,545 pada tahun 2013 kepada **RM2,624** pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak **3.1%**.

Secara keseluruhannya, pasaran ASEAN masih kekal dengan syer **74.3%** dengan ketibaan sebanyak **20.4 juta** orang pelancong pada tahun 2014 jika dibandingkan dengan 19.1 juta pada tahun 2013. Peningkatan kedatangan pelancong dari pasaran ASEAN adalah dari **Vietnam (+21.2%)** diikuti oleh **Kemboja (+14.2%)**, **Thailand (+12.4%)**, **Indonesia (+11%)**, **Filipina (+11%)** dan **Singapura (+5.7%)**.

Sebanyak **18.7%** atau **5.1 juta pelancong asing** ke Malaysia pada tahun 2014 pula adalah dari **pasaran jarak sederhana** berbanding **18.9%** (**4.9 juta pelancong**) pada tahun 2013. Pertumbuhan yang menggalakkan adalah dari pasaran **Korea Selatan (+40.5%), Oman (+29.8%), Arab Saudi (+19.9%), India (+18.3%), Syria (+15.5%), Australia (+8.5%), Jepun (+7.8%)** dan **New Zealand (+6.8%)**.

Manakala bagi **pasaran jarak jauh** khususnya Eropah, beberapa negara telah menunjukkan prestasi yang positif di mana ketibaan pelancong dari **Sepanyol** telah merekodkan peningkatkan sebanyak **35.3%**, **Turki (+39.1%)**, **Mesir (+26.6%)**, **Itali (+22%)** dan **Perancis(+17.1)**.

Dengan jumlah ketibaan sebanyak **27.4 juta pelancong asing** bagi tahun 2014, Malaysia telah mencapai sasaran sebanyak **98.0%** daripada 28 juta pelancong asing yang disasarkan bagi Tahun Melawat Malaysia 2014 dan peningkatan pendapatan pelancongan sebanyak **10%** berbanding tahun 2013. Prestasi pelancongan ini menunjukkan peningkatan yang positif dan memberangsangkan walaupun negara berdepan dengan beberapa insiden seperti tragedi MH370, MH17, QZ8501, isu penculikan dan keselamatan perairan di Sabah serta kejadian banjir yang melanda beberapa negeri di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Malaysia telah berjaya mendapat pengiktirafan di peringkat ASEAN di mana kempen *Visit Malaysia Year 2014* telah memenangi Anugerah *Best ASEAN Marketing And Promotion Campaign* di *ASEAN Tourism Forum 2015* di Myanmar.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 19 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7534**

**SOALAN:**

Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan repot polis yang dibuat, siasatan polis yang dijalankan serta tindakan selanjutnya yang diambil bagi kes jenayah dan bukan jenayah yang diadukan terhadap setiap Menteri Kabinet dan Timbalan Menteri sejak pelantikan mereka selepas Pilihan Raya Umum ke-13.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak polis akan menjalankan siasatan terhadap laporan yang diterima tanpa mengira kedudukan seseorang secara profesional sama ada bagi kes jenayah atau kes yang bukan berunsur jenayah mengikut peruntukan undang-undang negara yang sedang berkuatkuasa ketika ini.**

**Berkaitan siasatan polis terhadap Menteri dan Timbalan Menteri selepas Pilihanraya umum ke 13 yang lalu, sebanyak 2 kes telah dirujuk di Pejabat Peguam Negara dan 1 kes lagi masih dalam siasatan pihak polis yang mana saya tidak boleh mendedahkannya kerana dikhuatiri boleh mengganggu siasatan yang sedang dijalankan.**